

13 MAR 1997

#### PERBADANAN JOHOR TANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN KUMPULAN TITAN

JOHOR BAHRU, 13 Mac (Bernama) -- Perbadanan Johor hari ini menandatangani perjanjian dengan Titan Group mengenai pembelian tanah perindustrian Tanjung Langsat dekat Pasir Gudang bagi pelaksanaan fasa kedua Kompleks Petrokimia syarikat itu bernilai RM3,000 juta.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani othman.

Perbadanan Johor diwakili Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Ali Hashim manakala kumpulan Titan oleh Pengerusinya, T.T. Chao.

Menurut kenyataan Perbadanan Johor yang dikeluarkan di sini, kumpulan Titan akan memajak 40 hektar tanah dan tambahan 20 hektar lagi daripada Perbadanan Johor.

Fasa kedua ini akan terletak di Pasir Gudang dan Tanjung Langsat yang akan dihubungkan dengan saluran paip dan apabila siap menjelang 1999 saiznya akan dua kali ganda lebih besar dari fasa pertama.

Buat masa ini fasa pertama kompleks itu mempunyai naptha/LPG cracker dan kilang yang mengeluarkan polietilena dan polipropilena.

Dengan pembesaran itu, kenyataan itu menjelaskan kumpulan Titan berpeluang memaksimumkan potensi pasaran tempatan sebagai yang terbesar di Asia dengan menyediakan pertumbuhan industri hiliran khususnya dalam pembangunan infrastruktur dan pembinaan bangunan.

Pembesaran fasa kedua ini, katanya, akan dibiayai melalui ekuiti dan pinjaman bank dan akan merancang untuk pengapungan saham awam di Bursa Saham Kuala Lumpur. Titan juga merancang untuk mempertuntukkan 25 peratus daripada sahamnya untuk langgangan awam pada hujung tahun ini atau awal tahun depan.

Pada masa yang sama juga ia akan memanfaatkan ekonomi Malaysia melalui pendapatan eksport, sumbangan jangka panjang dan imbalan pembayaran, menggalakkan industri hiliran dan menyediakan kepakaran teknologi termasuk pengenalan kepada program latihan dari Amerika Syarikat dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia, kata Perbadanan Johor.

Kawasan perindustrian Tanjung Langsat seluas 1,793.2 hektar dibangunkan oleh anak syarikat Perbadanan Johor, Johor Technopark Sdn Bhd.

Johor Technopark telah membangunkan sebanyak 21 kawasan industri di seluruh Johor di samping bertindak sebagai pengurus projek dan ejen pemasaran bagi kawasan perindustrian Tanjung Langsat.

Kawasan industri itu akan menempatkan pelbagai jenis industri dan juga industri yang berkaitan dengan pelabuhan.

Menurut Perbadanan Johor, kawasan perindustrian Tanjung Langsat yang dalam proses pembinaan apabila siap kelak akan menjadi kawasan perindustrian yang terbesar di Malaysia.

Fasa pertama projek itu ialah pembinaan lebuh raya yang menghubungkan Pasir Gudang melalui Tanjung Puteri Golf Resort yang telah siap manakala fasa kedua pembinaan sebuah jambatan bernilai RM14 juta merintang Sungai Kim-Kim dijangka siap pertengahan tahun ini, katanya.

Bagi memenuhi permintaan yang mengalakkan daripada pelabur untuk industri berat dan serdahana, Johor Technopark telah pun memulakan kerja-kerja menyediakan tapak industri seluas 200 hektar yang dijangka siap akhir tahun ini, menurut Perbadanan Johor. -- BERNAMA

MKO ARA MA